

Malaysia Akan Laksana Perubahan Struktur Tingkat Daya Saing, Kata Najib Bernama
7 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Malaysia, sebagai sebuah negara dagangan utama yang bergantung besar kepada eksport, akan melaksanakan perubahan struktur bagi meningkatkan daya saingnya untuk menyesuaikan diri dengan pemulihan ekonomi dunia yang perlahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata perubahan itu akan membolehkan negara bersaing seiring dengan ekonomi utama dan serantau, termasuk yang terlibat dalam rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

"Kita perlu melaksanakan perubahan struktur untuk menyesuaikan diri kepada perubahan corak permintaan ekonomi-ekonomi besar seperti di China, yang menjadi rakan dagangan terbesar kita," katanya pada perbincangan panel di Sidang Kemuncak dan Dialog Ekonomi Kebangsaan bersama Perdana Menteri, di ibu negara, Jumaat.

"Eksport kita ke China menjurus ke arah pelaburan berbanding pertumbuhan," kata Najib sambil menambah ini merupakan contoh paling baik beberapa perubahan dasar yang Malaysia perlu lakukan untuk mengambil kesempatan daripada penggunaan berbanding pertumbuhan di China.

Beliau berkata China, yang tidak dijangka mencatat kadar pertumbuhan dua angka tahun ini, mengimbangi semula ekonominya dan akan beralih daripada pelaburan kepada lebih banyak penggunaan berbanding pertumbuhan.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menjawab soalan daripada ahli panel, Pengerusi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, yang bertanyakan bagaimana Malaysia boleh mengembangkan pasaran eksport bagi manfaat pengeluaran tempatan.

Sidang kemuncak itu, yang dianjurkan bersama oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dengan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), bertemakan "Memacu Ekonomi Malaysia: Meneliti Punca Utama".

Perbincangan panel itu yang diperantarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ASLI, Tan Sri Dr Michael Yeoh, juga disertai Pengerusi Bank Muamalat Tan Sri Dr Munir Majid dan bekas menteri sumber manusia, Tan Sri Dr Fong Chan Onn.

Sementara itu Najib berkata negara terlibat dalam rundingan TPPA kerana Malaysia merupakan sebuah negara dagangan besar dengan jumlah perdagangan menyumbang 167 peratus daripada keluaran dalam negara kasar, yang merupakan satu daripada yang tertinggi di dunia.

"Kita perlu menjadi sebahagian daripada sistem dagangan dunia dan perjanjian perdagangan bebas yang akan memberi manfaat kepada Malaysia," kata beliau.

Beliau berkata terdapat kesukaran dalam TPPA kerana perjanjian itu bukan hanya terhad kepada perdagangan dan pelaburan tetapi perkara lain seperti perusahaan milik negara, pemerolehan kerajaan dan penyelesaian pertikaian pelabur-negara.

"Dalam hal ini, kita menuju kepada negara berpendapatan sederhana tinggi, kita telah hilang kelebihan tarif kita dan beberapa negara telah menarik balik kelebihan itu.

"Jadi, kita akan kerugian, sekiranya tidak mempunyai akses lebih kompetitif ke pasaran tradisional kita seperti AS, sebagai contohnya," kata Najib.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020111>